# Sistem borong hasil pertanian tak telus terus belenggu petani

Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan Johor, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Oleh Noor Aslinda Abu Seman
bhrencana@bh.com.my

**Di** sebalik kehijauan ladang dan limpahan hasil bumi membanjiri pasar, ada kisah jarang diceritakan, iaitu 'kisah petani terperangkap dalam sistem tidak adil'.

Keringat mereka mengalir setiap hari, membanting tulang demi memastikan bekalan makanan negara mencukupi, namun keuntungan sebenar lebih banyak diraih orang tengah.

Di manakah silapnya? Adakah ini lumrah perniagaan atau wujud ketidaktelusan yang menjadikan petani terus tertindas?

Antara faktor utama adalah kawalan harga oleh segelintir pemborong yang menetapkan harga tetap sejak awal tanpa mengira turun naik pasaran.

Strategi ini mungkin menguntungkan petani ketika harga pasaran rendah, tetapi apabila harga melonjak, mereka terpaksa menjual hasil pada harga jauh lebih rendah daripada nilai sebenar.

Namun, di pasar awam atau pasar tani, kebanyakan pemborong membeli mengikut harga semasa, situasi berbeza apabila petani berdepan dengan sesetengah pemborong yang 'mengikat' mereka dalam kontrak harga tetap.

Akhirnya, pemborong menjual dengan harga pasaran tinggi dan mengaut keuntungan besar, sementara petani yang bekerja keras hanya menerima pulangan tidak setimpal.

Lebih memburukkan keadaan, isu penggredan hasil pertanian juga menjadi alat eksploitasi.

Dalam sistem sedia ada, petani tetapkan gred hasil mereka mengikut kualiti. Gred A untuk hasil terbaik, Gred B bagi kualiti sederhana dan Gred C untuk hasil berkualiti rendah, dijual murah atau mungkin tidak laku langsung.

Namun, apabila sampai ke tangan pemborong, penggredan boleh berubah sewenang-wenangnya tanpa penjelasan. Dengan satu keputusan, pendapatan petani merosot sedangkan mereka mengeluarkan kos tinggi untuk menghasilkan produk berkualiti.

Lebih menyedihkan, pembayaran juga sering ditangguhkan, menyukarkan petani untuk merancang kewangan mereka dengan baik.

Beban ditanggung petani semakin berat apabila kos pengeluaran terus meningkat. Harga baja, racun perosak, tenaga kerja dan kos operasi semakin mahal, namun pendapatan mereka tidak meningkat seiring.

Dalam keadaan ini, petani hampir tiada kuasa tawar-menawar kerana terlalu bergantung kepada pemborong.

Jika pemborong menolak membeli hasil atau mengurangkan jumlah pembelian, mereka perlu mencari pasaran alternatif, terutama bagi petani kecil yang tiada akses mudah kepada pembeli lain.

Justeru, salah satu strategi utama adalah memastikan mereka tidak terlalu bergantung kepada satu pemborong sahaja.

## Tingkat literasi kewangan, operasi perniagaan

Dengan mencari lebih banyak saluran pasaran seperti pasar tani, restoran dan pelanggan individu melalui platform digital, petani dapat meningkatkan kuasa tawar-menawar dan memperoleh harga lebih kompetitif.

Selain itu, petani perlu meningkatkan literasi kewangan dan pemahaman terhadap operasi perniagaan. Dengan mengetahui kos pengeluaran, margin keuntungan dan analisis pasaran, petani boleh membuat keputusan lebih bijak ketika berurusan dengan pemborong.

Malah, perkembangan teknologi menawarkan peluang besar kepada petani melalui platform e-dagang seperti Pasar Tani Digital dan AgroBazaar, membolehkan mereka berhubung terus dengan pengguna tanpa perantara yang menekan.

Namun, penyelesaian ini memerlukan usaha bersepadu daripada pelbagai pihak. Koperasi petani perlu diperkukuh supaya mereka boleh berunding secara kolektif dan memperoleh harga lebih adil.

Pada masa sama, kerajaan perlu memainkan peranan dalam memperketatkan peraturan terhadap pemborong, termasuk mewajibkan kontrak harga fleksibel berdasarkan harga pasaran serta memastikan sistem penggredan lebih telus.

Selain itu, inisiatif seperti model 'ladang ke meja makan', menghubungkan petani terus kepada pasar raya, restoran dan pengguna akhir, harus dipergiatkan bagi mengurangkan pergantungan kepada orang tengah.

Ketidaktelusan dalam sistem pemborongan pertanian bukan isu baharu, tetapi ia terus membelenggu petani sehingga kini. Jika tiada perubahan dilakukan, petani akan terus menjadi mangsa dalam sistem yang sepatutnya menyokong mereka.

Petani adalah pihak paling penting dalam menjamin bekalan makanan negara, jadi mengapa mereka yang paling banyak menanggung kerugian?

Sudah tiba masa semua pihak petani, kerajaan, pemborong dan masyarakat bersama-sama memperjuangkan sistem yang lebih adil dan telus dalam rantaian bekalan pertanian.

Kita tidak boleh terus membiarkan petani yang berusaha keras terus dipinggirkan dalam ekosistem yang mereka sendiri hidup dan berjuang.